

4.12.2021

Siaran Media  
oleh DATO' IR. JASENI MAIDINSA  
CEO, PBA Holdings Bhd dan PBAPP

## **“ANUGERAH KECEMERLANGAN” KE-5 BERTURUT-TURUT UNTUK MAKMAL PUSAT PBAPP**

- **Kualiti air terawat Pulau Pinang disahkan oleh Jabatan Kesihatan dan keputusan ujian makmal PBAPP pada tahun 2020.**

PULAU PINANG, Sabtu, 4.12.2021: Makmal Pusat PBAPP di Loji Rawatan Air Sungai Dua telah menerima “Anugerah Kecemerlangan IKM” kali ke-5 berturut-turut.

Dianugerahkan oleh Institut Kimia Malaysia (IKM), anugerah ini mengiktiraf pencapaian makmal dalam bidang ujian air (air mentah, air termendap dan air terawat) pada tahun 2021.

PBAPP menerima anugerah itu daripada Ketua Pengarah IKM, Dato' Hj Mohamed Zaini Abdul Rahman, di Berjaya Times Square Hotel di Kuala Lumpur semalam. PBAPP juga pernah menerima anugerah ini pada tahun 2017, 2018, 2019 dan 2020.

Perlu diingatkan bahawa penerima Anugerah Kecemerlangan IKM 2021 mesti mematuhi piawaian MS ISO/IEC 17025:2017 yang ditetapkan untuk makmal ujian dan penentukuran.

Skop akreditasi Makmal Pusat PBAPP kepada standard ISO ini merangkumi 32 parameter, termasuk parameter lanjutan, seperti: warna sebenar, kekonduksian, kealkalian, kandungan oksigen terlarut, permintaan oksigen biokimia, jumlah pepejal terampai dan jumlah karbon organik.

Dalam konteks ini, operasi harian makmal yang telah memenangi pelbagai anugerah ini menyokong komitmen penuh PBAPP ke arah membekalkan kualiti air terawat yang sihat dan berkualiti tinggi di Pulau Pinang.

Makmal Pusat PBAPP dilengkapi dengan peralatan berteknologi tinggi termasuk:



# PBA

Perbadanan Bekalan Air  
Pulau Pinang Sdn Bhd  
199901001061 (475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda

Meeting all your water supply needs

- *An inductively-coupled plasma optical emission spectrometer (ICPOES)*
- *An ultraviolet-visible (UV-VIS) spectrophotometer*
- *A total organic carbon (TOC) analyser*

## **Keputusan ujian untuk air terawat Pulau Pinang**

Pada 2020, ketika Perintah Kawalan Pergerakan Covid-19 seluruh negara, majoriti 1.776 juta penduduk Pulau Pinang bergantung kepada bekalan air terawat daripada PBAPP ke rumah mereka untuk minum, memasak, membasuh, membersihkan dan mandi.

Walaupun 2020 merupakan tahun pandemik, Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang dan PBAPP terus melaksanakan program pensampelan dan ujian air bersama. Objektifnya adalah untuk memastikan kualiti air terawat Pulau Pinang mematuhi parameter keselamatan awam yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan (KKM) dalam Program Jaminan Kualiti (QAP).

Secara keseluruhan, 3,111 sampel air terawat telah dikumpulkan dan diuji pada tahun 2020. Sampel ini diambil dari loji rawatan air Pulau Pinang (setiap minggu) dan di tempat persampelan di sepanjang rangkaian saluran paip bekalan air sedia ada (setiap bulan).

Hasil ujian bagi 3,111 sampel menunjukkan bahawa air terawat Pulau Pinang mematuhi QAP KKM. Parameter ujian utama termasuk kekeruhan, sisa klorin bebas, bakteria e-coli, e.coli + sisa klorin bebas dan aluminium.

Dalam kebanyakan kes, hasil menunjukkan bahawa Pulau Pinang secara signifikan merawat air “melebihi” keperluan parameter keselamatan QAP. Dalam konteks ini, bekalan air kita mungkin dianggap sebagai antara yang “paling bersih, selamat dan paling sihat” di Malaysia, walaupun dalam tahun yang sukar.

Terima kasih.

---

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah  
Unit Komunikasi Korporat  
Tel : 04-200 6607  
Email : [syarifah@pba.com.my](mailto:syarifah@pba.com.my)

